



LAPORAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM & HARI AUDIT SE-MALAYSIA 2011

26 - 27 SEPTEMBER 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
	Pendahuluan	2
BAHAGIAN A	PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2011	
1	Ucapan Perasmian Persidangan Juruaudit Awam Tahun 2011 Oleh Ketua Audit Negara	4
2	Taklimat Ringkas Mengenai Program <i>Certified Internal Auditor (CIA)</i>	6
3	Pembentangan Kertas Kerja I- Pengurusan Nilai Dalam Pelaksanaan Projek Kerajaan: Satu Pendekatan Inovatif	7
4	Pembentangan Kertas Kerja II-Goods & Services Tax (GST): Isu dan Cabaran Pelaksanaan	8
5	Pembentangan Kertas Kerja III- <i>IPSAS & FRS: Do They Speak The Same Language?</i>	9
6	Pembentangan Kertas Kerja IV- <i>Implementation of Accrual Accounting In Government Financial Statement</i>	11
7	Forum Mengenai “ <i>Reshaping The Internal Audit For The New Global Economy</i>	13
8	Perbincangan Kumpulan-Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dan Pengurusan	15
BAHAGIAN B	HARI AUDIT SE-MALAYSIA 2011	
1	Ucapan Aluan Ketua Audit Negara	20
2	Ucaptama dan Perasmian Oleh Ketua Setiausaha Negara	22
3	Pelancaran Oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara: <ul style="list-style-type: none">• Kod Etika Juruaudit Sektor Awam (Pindaan Mac 2011)• Garis Panduan Pengauditan <i>Private Finance Initiative</i>• Garis Panduan Pengauditan Perkhidmatan Perunding• Garis Panduan Pengauditan Penyiasatan	24
4	Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti	24
5	Penyampaian Sijil Pembaharuan Amalan 5S Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia	25
6	Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih Oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara	26
BAHAGIAN C	GAMBAR SEKITAR PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM DAN HARI AUDIT SE-MALAYSIA 2011	28

PENDAHULUAN

Persidangan Juruaudit Sektor Awam dan Hari Audit Se-Malaysia 2011 yang bertemakan ‘Kreativiti Dan Inovasi Memacu Pengauditan Berkualiti’ telah berlangsung di Akademi Audit Negara pada 26 dan 27 September 2011. Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang merupakan tahun ketiga penganjurannya ini dirasmikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato’ Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia. Persidangan ini dihadiri oleh lebih 800 juruaudit dari pelbagai peringkat daripada Jabatan Audit Negara, Unit Audit Dalam dan sebahagian wakil Kementerian/Jabatan serta tetamu-tetamu jemputan. Tujuan persidangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada Juruaudit berhubung bidang, teknik dan pendekatan pengauditan yang terkini sejajar dengan perkembangan semasa dan mewujudkan forum perbincangan mengenai isu-isu semasa. Selaras dengan tema persidangan kali ini, Juruaudit dituntut supaya sentiasa kreatif dan inovatif dalam menambah baik mutu pengauditan dan pelaporan selaras dengan pelan transformasi Kerajaan dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Pada persidangan ini, 4 kertas kerja telah dibentangkan oleh penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Antara topik yang dibincangkan adalah mengenai Pengurusan Nilai Dalam Pelaksanaan Projek Kerajaan; *Goods & Services Tax (GST)*:Isu dan Cabaran Pelaksanaan; *IPSAS & FRS Do They Speak The Same Language* dan *Implementation Of Accrual Accounting in Government Financial Statement*. Sesi persidangan disusuli dengan forum mengenai “*Reshaping The Internal Audit For The New Global Economy*” serta perbincangan kumpulan mengenai topik Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dan Pengurusan. Para pembentang kertas kerja adalah terdiri daripada YBhg. Datin IR Hjh. Mariyam yang merupakan Pengarah Pengurusan Nilai, Unit Perancang Ekonomi; Encik Wan Leng Whatt iaitu Timbalan Pengarah Unit GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia; Encik Ken Pushpanathan yang merupakan Setiausaha *Financial Reporting Foundation Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* dan Tn Hj. Sofian bin Kochik iaitu Timbalan Pengarah Pasukan Projek Perakaunan Akruan, Jabatan Akauntan Negara.

Hari Audit Se-Malaysia pula diadakan untuk memberi peluang kepada Jabatan/Agenzi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara dan meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan peranan audit dalam mewujudkan akauntabiliti dan tadbir urus awam. Perasmian majlis tersebut pada tahun ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara. Atur cara yang disediakan pada Hari Audit Se-Malaysia adalah pelancaran Kod Etika Juruaudit Sektor Awam (Pindaan Mac 2011), Garis Panduan Pengauditan *Private Finance Initiative*, Garis Panduan Pengauditan Perkhidmatan Perunding dan Garis Panduan Pengauditan Penyiasatan; penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti; penyampaian Sijil 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia serta sumbangan buku kepada sekolah terpilih.



BAHAGIAN A

PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2011

1. UCAPAN PERASMIAN PERSIDANGAN JURUAUDIT AWAM TAHUN 2011 OLEH KETUA AUDIT NEGARA

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara mengalu-alukan kehadiran semua warga Audit sama ada yang bertugas di Jabatan Audit Negara mahupun yang bertugas di Unit Audit Dalam di Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan yang lain.

YBhg. Tan Sri memaklumkan persidangan ini penting dari segi *capacity building* di mana ia dapat menggalakkan peningkatan ilmu pengetahuan di kalangan warga audit termasuk Juruaudit Dalam. Beliau menasihatkan semua warga Audit supaya sentiasa profesional dalam melaksanakan kerja serta peka terhadap perkembangan yang berlaku di sekeliling mereka.

YBhg. Tan Sri memaklumkan Jabatan Audit Negara telah diberi tugas-tugas tambahan yang merupakan cabaran kepada profesionalisme juruaudit, di mana ia melibatkan pelaksanaan inisiatif baru Kerajaan seperti *value management, out-come based budgeting* dan *accrual accounting* serta dilantik sebagai Juruaudit bagi projek MRT yang merupakan projek terbesar Kerajaan setakat ini.

Dari aspek *capacity building*, YBhg. Tan Sri menyatakan bahawa JAN sentiasa menggalakkan peningkatan ilmu pengetahuan di kalangan warga audit seperti mengikuti kursus lanjutan dan penempatan di firma audit swasta. YBhg. Tan Sri memaklumkan JAN sentiasa bersedia meminjamkan juruaudit profesional untuk mengisi jawatan yang diperlukan di Unit Audit Dalam sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun mahupun PBT, bagi memastikan fungsi unit tersebut dapat berjalan dengan lebih berkesan. Beliau memaklumkan Kerajaan juga bersetuju dengan cadangan *caderisation*.

YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa Kerajaan memberi perhatian terhadap tindakan susulan ke atas Laporan Ketua Audit Negara memandangkan isu yang sama masih dibangkitkan oleh JAN setiap tahun. JAN diminta untuk lebih aktif dalam memantau tindakan susulan memandangkan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan masih belum memuaskan.

YBhg Tan Sri juga menyatakan bahawa sekiranya Kerajaan mengalami kerugian besar, ianya perlu disiasat dan jika ia melibatkan pegawai Kerajaan, tindakan tatatertib yang lebih tegas perlu dibuat.

YBhg. Tan Sri berharap semua Juruaudit menggunakan peluang sebaiknya dalam meningkatkan pengetahuan mereka. JAN juga telah berusaha mewujudkan beberapa inisiatif *capacity building* bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran juruaudit, misalnya dengan mengadakan kerjasama dengan *Institute of Internal Auditors (IIA)*



melalui kelayakan profesional dalam *Certified Internal Auditors* (CIA) mahupun *Certified Government Auditing Professional* (CGAP).

Sebelum mengakhiri ucapan, YBhg. Tan Sri berharap inisiatif tersebut mendapat maklumbalas yang baik daripada juruaudit khususnya yang masih muda serta mempunyai tempoh perkhidmatan Kerajaan yang masih panjang. Sekiranya juruaudit gagal melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang mencukupi, ia boleh menjelaskan kualiti profesion juruaudit dan memberi kesan terhadap kualiti laporan yang dikeluarkan.



2. TAKLIMAT RINGKAS MENGENAI PROGRAM CERTIFIED INTERNAL AUDITOR (CIA)

Oleh : En. Walter Sandosam

Chairman of Academic Relations Committee

Bagi meningkatkan *capacity building* juruaudit sektor awam, JAN telah mengadakan kerjasama dan menandatangani MoU dengan *The Institute of Internal Auditors Malaysia* (IIA) bagi program *Certified Internal Auditor (CIA)*. IIA yang telah ditubuhkan pada tahun 1994 di Malaysia merupakan salah satu daripada organisasi ulung dalam urusan pembangunan kerjaya profesion juruaudit dalam di Malaysia. Antara perkhidmatan yang ditawarkan IIA meliputi keahlian; pembangunan profesional; persijilan dan khidmat nasihat teknikal. Di bawah khidmat persijilan, IIA menawarkan beberapa jenis kelayakan profesional iaitu *Certified Internal Auditor*; *Certification in Control Self Assessment*; *Certified Financial Services Auditor* dan *Certified Government Auditing Professional*. Dua kelayakan profesional yang ditawarkan oleh IIA bersesuaian dengan profesi juruaudit sektor awam adalah *Certified Internal Auditor (CIA)* dan *Certified Government Auditing Professional (CGAP)*.

Bagi memperoleh kelayakan CIA, calon perlu mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjanamuda yang diiktiraf serta pengalaman kerja selama 2 tahun. Bagi tujuan mengekalkan keahlian CIA, ahli perlu menjalani latihan melalui CPE (*Continuing Professional Education*) selama 80 jam setiap 2 tahun. Kandungan peperiksaan meliputi 4 peringkat iaitu *The Internal Audit Activity's Role in Governance, Risk and Control*; *Conducting the Internal Audit Engagement*; *Business Analysis and Information Technology* dan *Business Management Skills*. Peperiksaan meliputi 100 soalan *multiple choice* bagi setiap peringkat dengan tempoh masa selama 2 jam 45 minit serta markah lulus ditetapkan adalah 75%. Kos peperiksaan ditetapkan adalah RM4,800 yang merangkumi pendaftaran dan yuran peperiksaan. Bagi memperoleh kelayakan CGAP pula, calon juga perlu mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjanamuda yang diiktiraf serta pengalaman pengauditan selama 2 tahun. Bagi tujuan mengekalkan keahlian CGAP, ahli perlu menjalani latihan melalui CPE (*Continuing Professional Education*) selama 40 jam setiap 2 tahun. Kandungan peperiksaan meliputi 4 peringkat iaitu *Standard & Control/Risk Models*; *Government Auditing Practices*; *Government Auditing Methodologies and Skills* serta *Government Auditing Environment*. Peperiksaan meliputi 125 soalan *multiple choice* bagi setiap peringkat dengan tempoh masa selama 3 jam 15 minit serta markah lulus ditetapkan adalah 75%. Kos peperiksaan ditetapkan adalah RM1,700 yang merangkumi pendaftaran; bahan rujukan dan yuran peperiksaan.

3. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA I - PENGURUSAN NILAI DALAM PELAKSANAAN PROJEK KERAJAAN: SATU PENDEKATAN INOVATIF

Penceramah: YBhg. Datin Ir.Hjh Mariyam Ismail

Pengarah (Pengurusan Nilai), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Pemudahcara: En Tn Hj Rashid bin Yaakub

Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Sosial dan Keselamatan)

Penceramah menyentuh mengenai pengurusan nilai dalam konteks Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang merupakan satu bentuk pendekatan terhadap perancangan dan penilaian projek bagi memastikan setiap projek mengambil kira keseluruhan aspek kos dan manfaat bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Dalam erti kata lain, pengurusan nilai akan memberi tumpuan terhadap aspek penjimatan kos tanpa mengabaikan aspek kualiti dan prestasi projek yang dilaksanakan. Konsep pengurusan nilai ini diadaptasi dari pendekatan Analisis Nilai yang diamalkan oleh General Electric Company, sebuah syarikat ternama berpangkalan di Amerika Syarikat pada tahun 1941.

Pengurusan nilai meliputi 3 fasa iaitu *Value Assessment*; *Value Engineering* dan *Value Review*. Dengan mengekalkan fungsi asas tetapi boleh mengurangkan/membuang fungsi sekunder yang tidak begitu penting, pengurusan nilai ternyata berupaya membantu Kerajaan dalam penjimatan kos projek. Sebagai contoh, bagi Projek RP1 (*Rolling Plan 1*) pada tahun 2010, pengurusan nilai berjaya mengurangkan sejumlah RM6.91 bilion iaitu 16.8% daripada keseluruhan kos projek bagi 117 projek Kerajaan.

Apabila ditanya mengenai penglibatan konsultan luar dalam pengurusan nilai yang dijangka melibatkan perbelanjaan yang besar, YBhg. Datin Ir. Hjh Mariyam menjelaskan bahawa kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan terhadap pelantikan konsultan tersebut masih minimal berbanding jumlah perbelanjaan yang berupaya dijimatkan.

Beliau juga ditanya mengenai sejauh mana mekanisme yang dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dalam memastikan hanya projek yang benar-benar diperlukan sahaja yang dipilih untuk dilaksanakan serta kaedah pemantauan yang dilaksanakan ke atas projek. Beliau memaklumkan bahawa bagi projek akan datang, EPU akan terlibat di peringkat awal bagi memastikan hanya projek terpilih boleh diteruskan dan EPU juga sentiasa memantau status pelaksanaan projek dari semasa ke semasa. Berhubung persoalan mengenai sama ada terdapat kriteria tertentu terhadap pelaksanaan projek oleh pihak Kerajaan atau swasta, beliau menjelaskan tiada kriteria ditetapkan setakat ini tetapi pengagihan terhadap pelaksanaan projek adalah bergantung kepada jenis dan bentuk sesuatu projek yang akan dilaksanakan.

4. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA II - *GOODS & SERVICES TAX (GST): ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN*

Penceramah: Encik Wan Leng Whatt

Timbalan Pengarah Unit GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Pemudahcara: En Tn Hj Rashid bin Yaakub

Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Sosial dan Keselamatan)

Penceramah membentangkan mengenai keperluan melaksanakan *Goods & Services Tax (GST)*; model GST yang dicadangkan di Malaysia serta kesan GST kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi di Malaysia. Secara umumnya, objektif pelaksanaan GST adalah bagi menyusun semula struktur percukaian negara memandangkan terdapat kelemahan dalam sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada serta hasil negara terlalu bergantung kepada cukai pendapatan dan petroleum sahaja. Melalui pelaksanaan GST, ia berupaya menjadi sumber hasil negara yang lebih stabil dan merupakan sistem percukaian yang lebih efisien.

Menurut beliau, GST yang dicadangkan adalah dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang dibekalkan dalam negara dan diimport ke luar negara. Peniaga akan dikenakan kadar standard ke atas output barang/perkhidmatan yang ditawarkan (cukai output) dengan kadar 4% dan boleh menuntut kembali kadar tersebut melalui cukai input. Bagaimanapun, mereka akan dikecualikan untuk membayar sebarang cukai ke atas barang keperluan harian yang dibekalkan meliputi produk pertanian dan ternakan serta utiliti seperti bekalan elektrik dan bekalan air dalam kuantiti yang ditetapkan. Beliau juga memaklumkan GST wajar dilaksanakan dalam tempoh masa yang sesuai iaitu selepas negara mencapai tahap negara berpendapatan tinggi serta rakyat mendapat penjelasan yang sewajarnya berhubung strategi GST yang dilaksanakan. Sekiranya pelaksanaan GST tidak dibuat dalam tempoh masa yang sesuai, rakyat akan berdepan dengan kadar inflasi yang tinggi dan peniaga akan menanggung kos awalan/pematuhan yang tinggi serta berdepan dengan risiko aliran tunai perniagaan yang negatif. Sebagai persediaan terhadap pelaksanaan GST, Jabatan Kastam juga perlu merangka draf perundangan yang relevan untuk kelulusan Parlimen; membangunkan sistem berkomputer yang komprehensif serta menyediakan modal insan yang terlatih dan efisien bagi penguatkuasaan operasi.

Memandangkan masa yang diperuntukkan bagi sesi ini sangat terhad, sesi soal jawab tidak dapat diadakan.

5. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA III - *IPSAS & FRS: DO THEY SPEAK THE SAME LANGUAGE?*

Penceramah: Encik Ken Pushpanathan

Setiausaha *Financial Reporting Foundation Malaysian Accounting Standards Board (MASB)*

Pemudahcara: Pn Lau Tze Ngiik

Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Kewangan)

Penceramah menjelaskan bahawa Kerajaan Malaysia akan melaksanakan pematuhan sepenuhnya terhadap pemakaian perakaunan asas akruan yang dikeluarkan oleh *International Private Sector Accounting Standards (IPSAS)* pada 1 Januari 2015. Standard perakaunan tersebut secara umumnya hampir sama dengan standard *Financial Reporting Standards (FRS)* yang telah diaplิกasikan oleh sektor swasta di Malaysia. Antara perbezaan perakaunan asas tunai dan asas akruan adalah bilangan dan kandungan asas standard yang digunakan; pengiktirafan hasil dan belanja berbanding terimaan dan bayaran serta terminologi dan bentuk penyata kewangan yang dilaporkan. Antara isu-isu yang perlu diambil kira semasa proses peralihan daripada perakaunan asas tunai kepada perakaunan asas akruan adalah:

- Hartanah, loji dan peralatan seperti peralatan ketenteraan dan aset yang mempunyai nilai sejarah serta peruntukan susutnilai aset bagi aset tersebut.
- Skim persaraan dan faedah perubatan selepas bersara.
- Hasil cukai yang perlu dibuat akruan.
- Peruntukan lain.
- Faedah pinjaman.

Beliau juga menerangkan beberapa perbandingan antara standard IPSAS dan FRS antaranya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1:
21 STANDARD IPSAS YANG MENYAMAI STANDARD FRS**

IPSAS	Tajuk	FRS (Yang Berkaitan)
IPSAS 1	<i>Presentation of Financial Statements</i>	FRS 101
IPSAS 2	<i>Cash Flow Statement</i>	FRS 107
IPSAS 3	<i>Net Surplus or Deficit for the Period, Fundamental Errors and Changes in Accounting Policies</i>	FRS 108
IPSAS 4	<i>The Effect of Changes in Foreign Exchange Rates</i>	FRS 121
IPSAS 5	<i>Borrowing Costs</i>	FRS 123
IPSAS 6	<i>Consolidated Financial Statements and Accounting for Controlled Entities</i>	FRS 127
IPSAS 7	<i>Accounting for Investments in Associates</i>	FRS 128
IPSAS 8	<i>Financial Reporting of Interests in Joint Ventures</i>	FRS 131

IPSAS	Tajuk	FRS (Yang Berkaitan)
IPSAS 9	<i>Revenue in Hyperinflationary Economies</i>	FRS 118
IPSAS 10	<i>Financial Reporting in Hyperinflationary Economies</i>	FRS 129
IPSAS 11	<i>Construction Contracts</i>	FRS 111
IPSAS 12	<i>Inventories</i>	FRS 102
IPSAS 13	<i>Leases</i>	FRS 117
IPSAS 14	<i>Events After the Reporting Date</i>	FRS 110
IPSAS 15	<i>Financial Instruments: Disclosure and Presentation</i>	FRS 132
IPSAS 16	<i>Investment Property</i>	FRS 140
IPSAS 17	<i>Property, Plant and Equipment</i>	FRS 116
IPSAS 18	<i>Segment Reporting</i>	
IPSAS 19	<i>Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets</i>	FRS 137
IPSAS 20	<i>Related Party Disclosures</i>	FRS 124
IPSAS 21	<i>Impairment of Non-Cash Generating Assets</i>	FRS 136

JADUAL 2:
10 STANDARD IPSAS YANG TIDAK MENYAMAI STANDARD FRS

IPSAS	Tajuk
IPSAS 22	<i>Disclosure of Financial Information About the General Government Sector</i>
IPSAS 23	<i>Revenue from Non-Exchange Transactions (Taxes and Transfers)</i>
IPSAS 24	<i>Presentation of Budget Information in Financial Statements</i>
IPSAS 25	<i>Employee Benefits</i>
IPSAS 26	<i>Impairment of Cash-Generating Assets</i>
IPSAS 27	<i>Agriculture</i>
IPSAS 28	<i>Financial Instruments: Presentation</i>
IPSAS 29	<i>Financial Instruments: Recognition and Measurement</i>
IPSAS 30	<i>Financial Instruments: Disclosure</i>
IPSAS 31	<i>Intangible Assets</i>

Sebagai rumusannya, penceramah meringkaskan bahawa antara perbezaan yang ketara antara 2 standard tersebut adalah:

- Aset yang tidak menjana tunai.
- Perolehan aset tanpa kos atau pada kos nominal (sumbangan).
- Hasil yang tidak boleh ditukar.
- Persembahan dan pendedahan penyata kewangan.

Apabila ditanya mengenai tempoh masa diambil bagi negara-negara lain yang telah mengaplikasikan asas akruan dalam perakaunan Kerajaan masing-masing, Encik Ken Pushpanathan memaklumkan pelaksanaan perakaunan asas akruan bukan mengambil masa yang singkat. Contohnya, United Kingdom mengambil masa antara 3 hingga 5 tahun bagi mengaplikasikan asas akruan daripada asas tunai dalam melaporkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan negara tersebut.

6. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA IV - *IMPLEMENTATION OF ACCRUAL ACCOUNTING IN GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENT*

Penceramah: Tn Hj. Sofian bin Kochik


Timbalan Pengarah Pasukan Projek Perakaunan Akruan, Jabatan Akauntan Negara

Pemudahcara: Pn Lau Tze Ngiik

Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Kewangan)

Penceramah menerangkan bahawa Kerajaan Persekutuan adalah dalam proses transformasi daripada perakaunan sedia ada yang berasaskan tunai kepada perakaunan berasaskan akruan. Perakaunan berasaskan akruan telah ditetapkan sebagai satu polisi dalam Laporan *New Economic Model* (Model Baru Ekonomi). Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Akauntan Negara untuk mengaplikasikan perakaunan akruan mulai tahun 2015. Perubahan amalan sedia ada kepada perakaunan akruan adalah bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti; *sustainability*; sebagai kesan pengukuran polisi yang baik; meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi serta meningkatkan integriti. Tempoh pelan pelaksanaan transformasi ke arah perakaunan akruan adalah antara tahun 2011 sehingga 2015 yang melibatkan 3 peringkat seperti berikut:

**RAJAH 1:
PELAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN ASAS AKRUAN**



Menurut beliau, antara pelan tindakan pelaksanaan perakaunan akruan bagi Kerajaan Persekutuan adalah:

- Menyemak semula dan meminda undang-undang.
- Membangun dan meluluskan polisi perakaunan.
- Membangun dan meluluskan piawaian perakaunan.
- Penubuhan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) bagi 15 kementerian.
- Program kesedaran dan latihan.

- Pembangunan sistem.
- Pengumpulan data aset dan akaun belum terima.
- Pelaksanaan akruan ubahsuai pada tahun 2014; perakaunan akruan sepenuhnya pada 2015 serta *Outcome Based Budgeting* (OBB) dan *Activity Based Costing* (ABC) integrasi pada tahun 2016.

Tn Hj. Sofian bin Kochik seterusnya menjelaskan antara isu-isu yang perlu diambil kira semasa proses peralihan kepada perakaunan akruan adalah:

- Keperluan membangunkan polisi dan standard perakaunan dengan menggunakan IPSAS sebagai garis panduan.
- Penggunaan format baru bagi persembahan penyata kewangan.
- Penyediaan daftar aset dan penilaian aset.
- Keperluan membangunkan model bagi mengiktiraf hasil cukai, pelan persaraan dan gratuiti.
- Keperluan aset ketenteraan samada dipermodalkan atau dibelanjakan.
- Keperluan aset *heritage* samada dipermodalkan atau dibelanjakan.
- Perekodan aset tidak ketara (*Intangible Assets*) dalam sistem perakaunan
- Ketersediaan sistem perakaunan untuk menguruskan perakaunan akruan.
- Pegawai yang berkelayakan bagi mengurus perakaunan akruan.

Secara rumusannya, pelaksanaan perakaunan akruan bersama dengan OBB dan ABC berupaya membawa Malaysia setanding dengan negara maju. Sehubungan itu, komitmen; sokongan; kerjasama serta peruntukan yang mencukupi adalah diperlukan.

Apabila ditanya mengenai persoalan sama ada Kerajaan telah mengambil kira pengalaman negara lain yang telah mengadaptasi perakaunan tersebut; peringkat pelaksanaan projek sama ada secara *one off* atau *pilot-based* serta sama ada pelaksanaan turut dilaksanakan serentak di peringkat Kerajaan Negeri, Tn Hj. Sofian bin Kochik menjelaskan bahawa Kerajaan akan melaksanakan perakaunan tersebut secara berperingkat iaitu di peringkat Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu serta berasaskan *pilot based* setelah mengambil kira pengalaman daripada negara lain yang pernah melaksanakannya.

Berhubung soalan berikutnya iaitu mengenai badan yang akan memantau pelaksanaan proses transformasi perakaunan tersebut, beliau menjelaskan *International Private Sector Accounting Standards Board* (IPSASB) serta *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) akan memantau pelaksanaan proses tersebut.

Soalan seterusnya adalah mengenai pelaksanaan perakaunan tersebut dapat menangani kes fraud. Tuan Haji Sofian Bin Kochik memaklumkan pelaksanaan perakaunan asas akruan dan kes fraud adalah dua perkara berbeza, di mana perakaunan asas akruan dilaksanakan bagi meningkatkan integriti dalam pendedahan item penyata kewangan manakala fraud yang dipengaruhi oleh sikap manusia sukar dihalang kerana ianya tidak berkait secara langsung dengan perubahan asas perakaunan yang digunakan.

7. FORUM MENGENAI “RESHAPING THE INTERNAL AUDIT FOR THE NEW GLOBAL ECONOMY”

Ahli Panel:

- i. En.Ranjit Singh (Managing Director, Columbus Advisory Sdn Bhd.)
- ii. YBhg. Dato' S. Kumaran (Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Kewangan Perbendaharaan Malaysia)
- iii. En.Tan Nyat Chuan (Pengarah Bahagian Audit Dalam, Bank Negara Malaysia)

Pemudahcara : Tuan Hj. Isa bin Hj. Che Kob
Pengarah Audit Negeri Johor

Perbincangan dimulakan oleh pemudahcara yang menyatakan bahawa fungsi dan prestasi sedia ada Unit Audit Dalam yang masih memerlukan penambahbaikan memandangkan terdapat kekurangan dan kelemahan dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Justeru, suntikan baru dalam mempertingkatkan fungsi mereka perlu dibuat khususnya dalam menangani persekitaran ekonomi global masa kini yang lebih mencabar.

En. Ranjit Singh membincangkan mengenai fasa perubahan Unit Audit Dalam dari peringkat tradisional sehingga kini. Fasa perubahan bermula daripada pemerhatian dan pemeriksaan; menyemak semula kawalan dalaman; pengauditan *risk based* dan pengauditan *strategy based*. Beliau juga membincangkan 5 aktiviti audit yang perlu diberi perhatian untuk tempoh 5 tahun akan datang iaitu meliputi:

- Penyemakan semula tadbir urus korporat.
- Pengauditan terhadap proses *Enterprise Risk Management* (ERM).
- Penyemakan semula terhadap kelemahan berkaitan dengan strategi dan prestasi syarikat.
- *Ethics audits*.
- Transformasi dan pematuhan kepada *International Financial Reporting Standards* (IFRS) di mana ia akan menjadi fokus utama bagi Unit Audit Dalam.

YBhg. Dato' S.Kumaran pula memaklumkan Malaysia berada di kedudukan ke 21 dalam ranking *The Global Competitiveness Index 2011-2012*. Beliau juga membincangkan cabaran bagi ekonomi global seperti keupayaan negara dan faktor luaran seperti kejatuhan ekonomi global; peningkatan harga minyak; bencana alam dan peperangan di Timur Tengah. Bagi menghadapi cabaran ekonomi global, Malaysia telah meningkatkan mutu perkhidmatan awam melalui Pelan Transformasi Negara yang disokong oleh *National Key Result Area* (NKRA), *Ministry Key Result Area* (MKRA), *National Key Economic Area* (NKEA) dan Pelan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh Unit Audit Dalam adalah memfokus kepada strategi, keperluan kemahiran baru, pelaporan yang mempunyai impak yang tinggi dan menyeluruh serta jangkaan pihak berkepentingan.

En.Tan Nyat Chuan telah membincangkan peranan juruaudit dalam; rangka kerja yang diaplikasikan; cabaran serta pendekatan dan metodologi yang digunakan dari perspektif Bank Negara Malaysia (BNM). Di BNM, Jabatan Audit Dalam akan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan turut bertanggungjawab secara pentadbiran kepada Gabenor atau ahli pengurusan atasan yang telah dilantik Menurut beliau lagi, Jabatan Audit Dalam juga telah melaksanakan rangka kerja audit secara *risk based* selaras dengan persekitaran yang kompleks di BNM. Antara fungsi dan peranan Juruaudit Dalam BNM adalah:

- Menilai pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus.
- Menilai pencapaian/kejayaan hala tuju dan objektif korporat.
- Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sumber.
- Menilai kes fraud dan sebarang salah guna kuasa dengan mengenal pasti punca serta masalah.

Sebagai rumusan, pemudahcara menjelaskan perubahan kawalan dan penguatkuasaan di Malaysia telah meningkatkan keperluan dalam profesion Juruaudit Dalam. Bagi membentuk semula Juruaudit Dalam di era ekonomi global semasa, juruaudit perlu memfokuskan kepada aspek pengurusan risiko, proses tadbir urus serta meningkatkan teknologi audit dan peralatan automasi. Jawatankuasa Audit perlu bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Antara soalan yang dikemukakan dalam sesi soal jawab adalah mengenai sejauhmana elemen kebebasan wujud di sektor awam apabila Unit Audit Dalam (UAD) di peringkat Kementerian melapor terus kepada Ketua Setiausaha berbanding pelaksanaan di sektor swasta yang lebih telus di mana UAD tidak melapor kepada Ketua Eksekutif sebaliknya kepada Jawatankuasa Audit. Dato' S.Kumaran mengakui situasi tersebut secara tidak langsung mendedahkan kepada konflik kepentingan. Beliau mengesyorkan agar juruaudit luar (Jabatan Audit Negara) turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit di peringkat Kementerian.

Soalan seterusnya adalah mengenai sejauhmana memperkasakan peranan UAD di Kementerian yang dilihat tidak begitu berkesan serta skop kerja UAD yang bukan sahaja terlibat dengan aspek materialiti kewangan tetapi turut menjurus kepada aspek proses kerja di Kementerian. Dato' S.Kumaran menjelaskan UAD seharusnya memberi tumpuan terhadap aspek yang lebih *substantial* dan bukannya perkara remeh temeh yang tidak begitu memberi *value added* kepada organisasi. En.Tan Nyat Chuan pula menjelaskan bahawa juruaudit dalam perlu menstruktur pasukan selaras dengan perancangan kerja tahunan yang ditetapkan bagi memastikan juruaudit dalam berfungsi dengan lebih berkesan.

Berhubung soalan mengenai pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Audit Dalam BNM dalam memperoleh juruaudit yang berkaliber, En.Tan Nyat Chuan menjelaskan bahawa pendekatan kepimpinan; kajian semula proses kerja; kaedah pelantikan sumber manusia; komitmen pihak pengurusan atasan; pendekatan dan metodologi pelaksanaan kerja yang digunakan dan tempoh masa yang bersesuaian mempengaruhi proses tersebut.

8. PERBINCANGAN KUMPULAN - PEMUPUKAN BUDAYA KREATIF DAN INOVATIF DARI PERSPEKTIF JURUAUDIT DAN PENGURUSAN

Sebelum perbincangan dimulakan, satu taklimat bertajuk ‘Wacana Minda Warga Audit’ telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan). Beliau memaklumkan bahawa Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kreativiti dan inovasi merupakan antara elemen penting dalam program transformasi Kerajaan ke arah negara yang berpendapatan tinggi serta Wawasan 2020. Beliau juga memaklumkan bahawa konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri merupakan falsafah induk yang memandu hala tuju negara. Program Transformasi Kerajaan pula diwujudkan untuk mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan awam manakala Program Transformasi Ekonomi adalah merupakan suatu inisiatif untuk mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Enam NKRA, Model Baru Ekonomi, RMKe-10 dan lapan inisiatif pembaharuan strategik merupakan antara usaha Kerajaan mencapai matlamat tersebut. Beliau juga memaklumkan bahawa Ketua Setiausaha Negara juga berpandangan bahawa kreativiti dan inovasi akan memberi peluang kepada pegawai-pegawai muda untuk mengenangkan pendapat dan idea bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan.

YBhg. Dato’ Anwari bin Suri telah melontarkan persoalan berikut untuk dibincangkan oleh setiap kumpulan iaitu:

- Bagaimana budaya kreatif dan inovatif dapat dipupuk di kalangan warga Jabatan Audit Negara dan Audit Dalam bagi menambah baik mutu pengauditan dan pelaporan serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan
- Apakah isu-isu dan cabaran dalam memupuk nilai kreativiti dan inovasi di kalangan warga Jabatan Audit Negara dan Audit Dalam.

Beliau juga mencadangkan supaya setiap kumpulan dapat mengupas budaya kreatif dan inovasi dengan mengaitkannya terhadap visi, misi, objektif dan rancangan strategik Jabatan Audit Negara 2011 - 2015. Bagi tujuan perbincangan, peserta persidangan dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu:

KUMPULAN	PESERTA	FASILITATOR	KETUA KUMPULAN	TAJUK
1	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan & Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	Pn. Saadatul Nafisah bt. Bashir Ahmad Timbalan Pengarah (Sosial)	Tn. Hj. Mohd. Zaki b. Ismail Timbalan Pengarah Cawangan Audit Pendidikan	Ke Arah Laporan Audit Yang Berkualiti
2a	Sektor Audit Kerajaan Negeri	En. Juhari b. Harun Pengarah Audit Negeri Sabah	En. Che Mohd Shukri b. Che Hassan Pengarah Audit Negeri Pahang	Isu Berulang - Pengurusan Kewangan
2b	Sektor Audit Kerajaan Negeri	En. Khalid Khan b. Abdullah Khan Pengarah Audit Negeri Sarawak	En. Saharuddin b. Mahamud Timbalan Pengarah Audit Negeri Johor	Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit
3	Unit Audit Dalam	En. Hamdan b. Ahmad Ketua Audit Dalam Kementerian Luar Negeri	Cik Mariam Kholidah bt. Zulkifli Setiausaha Bahagian Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri	Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dan Pengurusan
4	Sektor Pengurusan, Sektor Audit Khas & Penyelidikan	Tn. Hj. Aziz b. Mohd Akil Pengarah Sektor Pengurusan	Cik Alifah Aida bt Lope Abdul Rahman Ketua Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Khas & Penyelidikan	Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dan Pengurusan

Hasil perbincangan kumpulan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

Tn. Hj. Mohd Zaki selaku Ketua Kumpulan 1 membentangkan tajuk **Ke Arah Laporan Audit Yang Berkualiti** yang memfokus kepada pengauditan prestasi. Beliau mencadangkan supaya laporan audit yang berkualiti boleh dihasilkan melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit (APM) yang komprehensif, di mana pegawai kanan perlu turut terlibat dalam sesi ‘brainstorming’ idea; program Audit perlu ada ‘pilot run; senarai semak diedarkan awal kepada auditi dan data bank untuk APM tahun sebelumnya dimuataturun di dalam eSPP. Dari aspek penyediaan laporan audit, beliau mencadangkan supaya pihak pengurusan tertinggi menentukan format LKAN lebih awal; setiap perenggan laporan audit diwajibkan mempunyai 5 komponen iaitu *criteria, condition, cause, effect* dan syor audit; kuantiti laporan audit dan skop pengauditan perlu dikaji semula serta kekerapan pembentangan laporan audit prestasi di Parlimen ditingkatkan.

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar garis panduan pengauditan prestasi dikaji semula dan diwujudkan satu seksyen khusus untuk menjalankan pengauditan berkaitan kajian prestasi. Isu-isu yang dibangkitkan hendaklah memberi tumpuan kepada ‘key area based on risk’ dan pegawai audit yang akan menjalankan pengauditan perlu dipilih daripada mereka yang berpengalaman bagi memastikan laporan audit yang dihasilkan tidak akan dipersoalkan oleh auditi. Beliau juga mengesyorkan supaya pendedahan tentang proses pengauditan dipertingkatkan di laman web; ‘Quality Assurance Review/Peer review’ dijalankan oleh pihak luar dan laporan yang dibentang di Parlimen dikaji oleh Jawatankuasa Khas.

En.Che Mohd Shukri selaku Ketua Kumpulan 2a membentangkan tajuk **Isu Berulang - Pengurusan Kewangan**. Beliau menyatakan bahawa isu audit yang berulang di sesebuah Jabatan/Agenzi masih dilaporkan saban tahun. Antara puncanya ialah sama ada pegawai bertukar atau tiada pengkhususan. Bagi mengatasi masalah isu berulang ini, beliau mencadangkan supaya JAN mengkaji semula elemen dalam Indeks Akauntabiliti (AI) di mana elemen yang kurang penting dan tidak berkenaan dengan pengurusan kewangan digugurkan. Beliau juga mencadangkan supaya JAN mengkaji semula Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan 1957 berhubung tindakan surcraj. Begitu juga Akta Audit 1957 dicadangkan supaya dimasukkan perenggan yang memberi kuasa kepada JAN untuk melaksanakan ‘enforcement’. Di peringkat auditi, beliau mencadangkan supaya ditubuhkan satu ‘task force’ yang khusus untuk mengkaji isu yang berulang atau melantik juruaudit yang berpengalaman yang telah bersara sebagai penasihat/perunding. Surat penghargaan boleh diberikan kepada auditi yang telah mengambil tindakan susulan. Sebagai penutup bicara, beliau mencadangkan supaya kajian terperinci dijalankan bagi mengenalpasti punca isu berulang agar penyelesaian terhadap perkara ini dapat dicapai.

En. Saharuddin selaku Ketua Kumpulan 2b membentangkan tajuk **Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit**. Beliau mencadangkan supaya ‘risk profile’

diwujudkan sama ada melalui 'self assessment', *vertical* atau *across the board*. Berhubung dengan laporan AI, pelaporan boleh dibuat secara 'report by exception' dan 'materiality defined'. Selain itu, beliau mencadangkan supaya mana-mana Jabatan/Agensi yang telah mendapat 4 bintang tidak lagi perlu diaudit setiap tahun. Dari aspek pelaporan pengauditan prestasi, beliau mencadangkan supaya laporan hendaklah ringkas dan seimbang. Manakala bagi pengauditan syarikat, beliau mencadangkan supaya melantik pakar untuk membantu pengauditan; menjalankan pengauditan secara 'risk based approach' dan mewartakan semua syarikat termasuk syarikat subsidiari. Perkara lain yang disentuh adalah penggunaan secara intensif 'ICT tools' berhubung dengan perakaunan akruan. Pensampelan semasa pengauditan penyata kewangan hendaklah dikaji semula iaitu berdasarkan 'risk based auditing'. Beliau merumuskan bahawa inovatif dan kreativiti akan dapat meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kerja.

Cik Mariam Kholidah selaku Ketua Kumpulan 3 membentangkan tajuk **Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dan Pengurusan**. Beliau telah menggariskan beberapa isu dan strategi berhubung aspek modal insan iaitu dari sudut latihan terkini oleh Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik (BPKS) dan Pelan Operasi Latihan bagi UAD secara keseluruhan; *knowledge sharing* di kalangan UAD; pembelajaran berterusan; pengiktirafan CIA dan CFI serta pelantikan pegawai kontrak dari sektor swasta bagi menampung kekurangan kompetensi pegawai UAD melalui program *Cross Fertilization*. Dari aspek kaedah pengauditan; beliau mencadangkan supaya sesi *brainstorming* melalui Seminar Juruaudit Dalam Sektor Awam dilaksanakan; memantapkan manual dan garis panduan pengauditan; mewujudkan *help desk*; mewujudkan aplikasi dan data untuk gunasama serta mewujudkan satu Sektor Penyelarasan Audit Dalam di Jabatan Audit Negara bagi menyelaras penemuan audit. Manakala dari aspek pelaporan UAD, beliau mencadangkan supaya Laporan Audit Dalam disatukan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Audit Dalam; perbincangan yang lebih kerap dengan pihak pengurusan atasan; mengkaji peranan dan keahlian Jawatankuasa Audit terhadap laporan UAD serta mengambilkira susulan Laporan Audit Dalam sebagai salah satu kriteria *Key Performance Indicator* (KPI) bagi Ketua Setiausaha (KSU).

Cik Alifah Aida selaku Ketua Kumpulan 4 membentangkan tajuk **Pemupukan Budaya Kreatif Dan Inovatif Dari Perspektif Juruaudit Dan Pengurusan**. Beliau telah mencadangkan untuk mewujudkan polisi penyelidikan dan pembangunan; *man power planning for researcher*, mewujudkan Pasukan Rujukan; *knowledge sharing*; *smart partnership*; khidmat pelanggan dan komunikasi serta proaktif terhadap keperluan persekitaran terkini. Selain itu, beliau mencadangkan keperluan menyediakan latihan untuk meningkatkan professionalisme; *knowledge dissemination*; perkhidmatan kaunseling yang lebih *user friendly*; pemilihan pegawai baru secara *scoring and rating* serta pemilihan untuk kenaikan pangkat lebih relevan dan rasional. Beliau turut mencadangkan agar strategi 'Independence dalam kelulusan belanjawan' dilaksanakan iaitu kelulusan belanjawan diperolehi secara terus daripada Parlimen (tidak melalui MOF dan JPM).

Selepas sesi pembentangan, YBhg. Dato' Anwari bin Suri telah mengulas mengenai beberapa perkara antaranya :

- Warga audit berfikiran ‘think out of the box’
- Ruang lingkup JAN dalam perkara kebebasan
- Isu berulang

Beliau turut bersetuju dengan saranan supaya Pemerhatian Audit dikeluarkan terus semasa menjalankan pengauditan terhadap mana-mana maklumat yang tidak diperolehi semasa pengauditan dijalankan. Perkara ini telah dipraktikkan oleh Sektor Audit Kerajaan Negeri mulai tahun 2011. Berhubung dengan skop pengauditan yang terlalu luas, beliau mencadangkan supaya Pengarah/Timbalan Pengarah menilai sendiri kemampuan mereka dan kekuatan staf yang akan menjalankan pengauditan. Berkaitan dengan elemen AI supaya digugurkan, beliau mencadangkan agar perkara ini dikaji semula. Sebagai rumusan, beliau menyatakan bahawa apa jua isu yang dibangkitkan oleh setiap kumpulan perlu dikaji/dibincang secara mendalam semasa persidangan sektor masing-masing. Penutup bicara, beliau merakamkan ucapan penghargaan kepada semua peserta perbincangan atas idea yang diutarakan.



BAHAGIAN B

HARI AUDIT SE-MALAYSIA 2011

1. UCAPAN ALUAN KETUA AUDIT NEGARA

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek b, Hj, Hassan, Ketua Setiausaha Negara kerana sudi hadir bagi merasmikan Hari Audit Se-Malaysia 2011. Beliau juga mengalukan kehadiran ketua-ketua jabatan dan agensi peringkat persekutuan dan negeri. Beliau menekankan bahawa Hari Audit Se-Malaysia bertujuan memupuk silaturrahim dengan pihak audit selain memperkuatkan tekad warga audit untuk mempertingkatkan akauntabiliti dan integriti pengurusan wang awam.

YBhg. Tan Sri mengingatkan supaya setiap penjawat awam yang diberi kuasa untuk menerima; menyimpan dan membelanjakan wang awam hendaklah melaksanakannya dengan penuh jujur, berhemat dan berdedikasi agar tidak berlaku pembaziran, pemborosan dan penyelewengan. Ini kerana saban tahun Laporan Ketua Audit Negara mendedahkan pelbagai kelemahan kawalan dalam pengurusan wang awam yang sewajarnya diatasi secara konsisten agar tidak mencalarkan imej perkhidmatan awam di mata rakyat. Tindakan proaktif wajar dilaksanakan agar amalan salah yang biasa segera diperbetulkan dan sebaliknya amalan yang betul hendaklah dibiasakan.

Dalam ucapan beliau, YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa inovasi dan kreativiti menjadi tema Hari Audit Se-Malaysia bagi tahun ini sebagai dorongan kepada warga audit dalam usaha mempertingkatkan produktiviti dan kualiti. Justeru, warga audit disaran mencerna idea inovatif dan kreatif selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

YBhg. Tan Sri turut memaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara telah diberi tugas-tugas tambahan yang merupakan cabaran kepada profesionalisme warga audit seperti penglibatan dalam urusan *value management; out-come based budgeting; accrual accounting; forensic auditing* serta terlibat dalam mengaudit beberapa projek mega Kerajaan seperti MRT.

Dalam usaha meningkatkan *capacity building*, YBhg. Tan Sri memaklumkan JAN mempunyai MOU untuk bekerjasama dengan beberapa buah negara seperti Indonesia, Iran, UAE dan Swaziland dan berharap penglibatan aktif JAN di peringkat antarabangsa akan dapat meningkatkan imej profesion juruaudit sektor awam di Malaysia. JAN juga sentiasa menggalakkan peningkatan ilmu pengetahuan di kalangan warga audit khususnya melalui kursus ijazah lanjutan; pengiktirafan keahlian profesional dan penempatan di firma audit swasta.

YBhg. Tan Sri juga memaklumkan bahawa JAN sentiasa bersedia meminjamkan juruaudit yang berkelayakan untuk mengisi jawatan Unit Audit Dalam di mana-mana agensi peringkat persekutuan dan negeri bagi memastikan pengurusan kewangan Kerajaan yang lebih berkesan dapat dipertingkatkan. Menyentuh mengenai Indeks Akauntabiliti (AI) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2007, ia telah berjaya mendorong pegawai pengawal dan

ketua jabatan/agensi untuk memberi perhatian yang lebih serius terhadap pengurusan kewangan mereka. Ini terbukti apabila jumlah yang mendapat kecemerlangan empat bintang telah meningkat secara signifikan pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 47 kepada 77 penerima dan mengharapkan agar kecemerlangan tersebut dapat diteruskan. Beliau turut memaklumkan bahawa pelaksanaan sistem penarafan AI telah menyumbang kepada satu bentuk transformasi dalam pengurusan kewangan sektor awam. Sehubungan itu, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada agensi yang berjaya mendapat penarafan empat bintang bagi pengurusan kewangan mereka pada tahun 2010.

YBhg. Tan Sri turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek b. Hj. Hassan dan para jemputan yang sudi hadir bagi menjayakan Hari Audit Se-Malaysia. YBhg. Tan Sri juga merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa sambutan Hari Audit Se-Malaysia tahun 2011 atas khidmat bakti yang dicurahkan. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga audit yang terlibat dengan penyediaan Laporan Ketua Audit Negara 2010 memandangkan ia dapat disiapkan lebih awal berbanding tahun sebelumnya serta merakamkan tahniah kepada warga audit atas pembaharuan pensijilan 5S yang baru diperoleh. Sebelum mengakhiri ucapan, beliau merakamkan rasa kagum di atas pencapaian warga audit yang membanggakan, kerana usaha gigih untuk menerapkan ciri-ciri inovasi dan nilai tambah dalam kualiti kerja telah berhasil mempercepatkan proses kerja sedia ada. Beliau mendoakan agar segala usaha murni warga audit mendapat keberkatan llahi.

2. UCAPTAMA DAN PERASMIAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA

YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara atas jemputan menyempurnakan Majlis Hari Audit Se-Malaysia tahun ini dan juga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang hadir.

YBhg. Tan Sri menyatakan bahawa Institusi Audit telah wujud lebih 100 tahun dan peranan audit telah dilaksanakan secara bebas dan profesional mengikut prinsip dan standard antarabangsa. Menurut YBhg. Tan Sri, melalui pengauditan yang bebas; analisis yang objektif serta penilaian yang komprehensif terhadap pelaksanaan program, aktiviti dan projek Kerajaan, juruaudit telah membantu organisasi meningkatkan tahap akauntabiliti dan integriti serta memberi keyakinan kepada rakyat dan stakeholder mengenai pengurusan dana awam secara berhemah. YBhg. Tan Sri menyeru agar Ketua-ketua Jabatan dan Agensi haruslah sentiasa peka dan prihatin dengan isu yang dibangkitkan di dalam laporan Audit serta mengambil iktibar terhadap penemuan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

YBhg. Tan Sri menjelaskan, pemilihan tema Hari Audit Se-Malaysia iaitu ‘Inovasi dan Kreativiti Memacu Pengauditan Berkualiti’ amat relevan. Menurut beliau, dalam ucapan YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke-11, beliau telah menggariskan aspek membudayakan kreativiti dan inovasi sebagai salah satu nilai asas penting yang perlu ada dalam usaha untuk mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Di dalam ucapan perasmianya, YBhg. Tan Sri menyatakan Pelan Tranformasi Kerajaan memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif bagi menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat. Oleh itu, beliau berkata pegawai audit mempunyai peranan penting dalam memberikan maklum balas yang tepat, *timely* dan saksama kepada *stakeholders*. YBhg. Tan Sri percaya dengan cara membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul boleh membanteras kelemahan dan kesilapan yang kerap kali berulang dan menjana budaya *high performance* dalam perkhidmatan awam. Beliau juga menyarankan agar para juruaudit berfikiran positif dan terbuka kepada idea baru yang bernalas serta mempunyai keazaman dan semangat yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan melalui pendekatan inovatif dan kreatif dalam apa juar tindakan.

YBhg. Tan Sri menyatakan bahawa prinsip *value for money* hendaklah sentiasa ditekankan di samping *outcome* bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan. Beliau juga menekankan bahawa setiap projek atau aktiviti hendaklah dirancang terlebih dahulu dan diuruskan secara efisien, ekonomik dan berkesan, di samping berusaha untuk mengelakkan sebarang pemborosan dan pembaziran serta penyelewengan. YBhg. Tan Sri menyatakan bahawa sebagai pelaksana utama program Kerajaan, adalah amat penting pendekatan baru yang

kreatif dan inovatif diaplikasi seperti strategi *blue ocean* bagi menggantikan kaedah konvensional yang bukan sahaja ternyata kurang menzahirkan impak yang dihasratkan malah merugikan Kerajaan. Menurut beliau, melalui penjimatan yang dihasilkan, lebih banyak projek pembangunan akan dapat dilaksanakan untuk manfaat rakyat dan pelaksanaan sistem e-perolehan dan e-bidding juga memastikan Kerajaan mendapat harga barang yang lebih berpatutan.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah pada tahun ini. Beliau mengingatkan supaya mereka yang akan menerima anugerah tidak leka, sebaliknya terus berusaha memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah ditingkatkan supaya sentiasa berada pada tahap cemerlang. YBhg. Tan Sri juga meminta supaya kecemerlangan yang dicapai hendaklah menyeluruh dan merangkumi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah kawalan Pegawai Pengawal dan tidak terhad kepada kecemerlangan di Ibu Pejabat sahaja.

Sebelum mengakhiri ucapan, YBhg. Tan Sri merakamkan syabas dan tahniah kepada Ketua Audit Negara atas pencapaian cemerlang Jabatan Audit Negara dan juga mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada seluruh warga Audit supaya meningkatkan usaha serta bekerja secara profesional dan komited dalam satu pasukan bagi mentransformasikan pengurusan kewangan negara ke tahap yang membanggakan. YBhg. Tan Sri menekankan bahawa dalam apa jua tindakan, integriti hendaklah sentiasa disematkan sebagai tunjang utama dan menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai agenda penting pembangunan negara.



3. PELANCARAN GARIS PANDUAN PENGAUDITAN OLEH YBHG. TAN SRI KETUA SETIAUSAHA NEGARA:

Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah menambahbaik Kod Etika Juruaudit Sektor Awam selaras dengan perubahan semasa. Malah Jabatan Audit Negara juga telah berjaya menghasilkan beberapa garis panduan pengauditan yang bertujuan untuk memberi panduan kepada juruaudit agar keseragaman kerja dan kualiti pengauditan dapat diselaraskan.

Garis Panduan yang dimaksudkan adalah:

- i. Garis Panduan Pengauditan *Private Finance Initiative*
- ii. Garis Panduan Pengauditan Perkhidmatan Perunding
- iii. Garis Panduan Pengauditan Penyiasatan

4. PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) bertujuan memudahkan pengukuran kualiti secara objektif bagi pengurusan kewangan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Pada tahun 2010, sebanyak 43 Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan telah berjaya memperoleh penarafan 4 bintang dalam pengurusan kewangan mereka. Penerima kecemerlangan tersebut terdiri daripada 17 Kementerian, 16 Jabatan dan 10 Badan Berkanun Persekutuan seperti berikut:

KEMENTERIAN:

1. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
2. Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
3. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air
4. Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri
6. Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar
7. Kementerian Belia Dan Sukan
8. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
9. Kementerian Pengajian Tinggi
10. Kementerian Kesihatan Malaysia
11. Kementerian Sumber Manusia
12. Kementerian Pertahanan
13. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
14. Kementerian Kerja Raya
15. Kementerian Kewangan
16. Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan
17. Jabatan Perdana Menteri



JABATAN

1. Unit Pelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
2. Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia Jabatan Perdana Menteri
3. Jabatan Insolvensi Malaysia
4. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
5. Jabatan Perangkaan Malaysia
6. Jabatan Perkhidmatan Awam
7. Jabatan Arkib Negara
8. Jabatan Peguam Negara
9. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
10. Jabatan Pengangkutan Jalan
11. Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang
12. Jabatan Pengangkutan Jalan Melaka
13. Jabatan Pengangkutan Jalan Johor
14. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
15. Jabatan Kebajikan Masyarakat
16. Pejabat Setiausaha Sabah

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
2. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)
3. Bank Simpanan Nasional (BSN)
4. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
5. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
6. Universiti Putra Malaysia (UPM)
7. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
8. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
9. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
10. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA)

5.PENYAMPAIAN SIJIL PEMBAHARUAN AMALAN 5S OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Jabatan Audit Negara telah berjaya memperbaharui sijil amalan 5S dengan cemerlang. Sijil Pembaharuan Amalan 5S telah diterima oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara daripada Encik Mohd Razali Bin Hussain, Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

6. SUMBANGAN BUKU KEPADA SEKOLAH TERPILIH OLEH YBHG. TAN SRI KETUA AUDIT NEGARA

Jabatan Audit juga terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan seperti memberi sumbangan buku kepada sekolah terpilih. Beberapa sekolah di sekitar Negeri Sembilan telah dipilih untuk menerima sumbangan buku tersebut seperti berikut:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Palong Sebelas (F) Gemas Negeri Sembilan
- ii. Sekolah Menengah Agama Dato' Haji Tan Ahmad Simpang Durian Jelebu Negeri Sembilan
- iii. Sekolah Kebangsaan Nyatoh Jalan Kuala Sawah Rantau Negeri
- iv. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuo Min Nilai Negeri Sembilan
- v. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Mukundan Bukit Pelandok Seremban Negeri Sembilan
- vi. Sekolah Kebangsaan Tekir Labu Negeri Sembilan



BAHAGIAN C

GAMBAR SEKITAR PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM DAN HARI AUDIT SE-MALAYSIA 2011

Ucapan Perasmian Persidangan JuruAudit Awam Tahun 2011

Oleh: Ketua Audit Negara



Pembentangan Kertas Kerja 1

Pengurusan Nilai Dalam Pelaksanaan Projek Kerajaan : Satu Pendekatan Inovasi
Oleh : YBhg. Datin Ir. Hjh. Mariyam binti Ismail



Pembentangan Kertas Kerja 2
Goods & Services Tax (GST) : Isu Dan Cabaran Pelaksanaan
Oleh : En. Wan Leng Whatt



Pembentangan Kertas Kerja 3
IPSAS & FRS : Do They Speak The Same Language?
Oleh : En. Ken Pushpanathan



Pembentangan Kertas Kerja 4
Implementation of Accrual Accounting In Government Financial Statement
Oleh : Tn. Hj. Sofian Kochik



Forum Mengenai ‘Reshaping The Internal Audit For The New Global Economy’
Oleh : En. Ranjit Singh, YBhg. Dato’ Kumaran dan En. Tan Nyat Chuat



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Ucapan Aluan Ketua Audit Negara

Ucaptama Dan Perasmian
Oleh Ketua Setiausaha Negara





Pelancaran Oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara:

- Kod Etika Juruaudit Sektor Awam (Pindaan Mac 2011)
- Garis Panduan Pengauditan Private Finance Initiative
- Garis Panduan Pengauditan Perkhidmatan Perunding
- Garis Panduan Pengauditan Penyiasatan



Penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2010 Bersama YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara



Penyampaian Sijil Pembaharuan Amalan 5S
Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia



Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih
Oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara



Jawatankuasa Pelapor

Pn. Mona binti Othman

Pn. Bibiana Sinos

Pn Zarina binti Md Sidek

En Ahmad bin Seli